

Nama Dokumen: Arahan Kerja Melabel Dentur

No. Dokumen: AK/PP/13

No. Pindaan: 1

Tarikh Berkuatkuasa: 1.7.2011

Melabel dentur sebelum dentur siap diproses

1. Letakkan plastic sefon ke dalam kelalang (bahagian yang mempunyai gigi).
2. Bancuhan akrilik yang mencapai peringkat doh diletak di atas plastic sefon tadi.
3. Pemadatan percubaan dilakukan (try pack).
4. Asingkan kedua-dua kelalang tersebut.
5. Buang lebih akrilik.
6. Tarik sebahagian dari plastik sefon, jangan tarik keseluruhannya.
7. Letakkan lilin pengotakan pada tempat yang telah ditentukan untuk meletak label.
8. Pasang balik plastic sefon yang dikeluarkan ke tempat asal.
9. Pemadatan percubaan dilakukan sekali lagi.
10. Asingkan kelalang tersebut sekali lagi .
11. Buang plastic sefon pada kelalang tersebut.
12. Buang lilin pengotakan dan lebih akrilik.
13. Masukkan label yang telah lengkap dengan keseluruhan nombor kad pengenalan dan diikuti dengan (.my) ke dalam ruang pengotakan.
14. Bancuh akrilik pempolimeran haba (clear)masukan ke dalam ruang pengotakan tadi.
15. Pemadatan sebenar dilakukan,buang lebih akrilik pada tepi kelalang.
16. Proses pempolimeran dilakukuan.
17. Setelah proses pempolimeran selesai dan kelalang telah pun sejuk, keluarkan dentur dari kelalang tersebut.
18. Pemangkasan dan pengilapan dilakukan
19. Pemeriksaan terakhir di lakukan pada dentur tersebut bagi memastikan ianya menepati piawaian yang ditetapkan. (Rujuk PKPP13 Pembuatan Dentur).

Disediakan oleh: En.Nor Azri Abd.Rahim; t/t:

Disemak oleh : Dr.Ahmad Termizi Zamzuuri; t/t:

Diluluskan oleh: Dr.Hasenah Mod Zaki, Pengarah; t/t: